

27 JUN 2001

Mahathir-selat

MALAYSIA PERTINGKAT PENGAWASAN DI SELAT MELAKA

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Malaysia akan meningkatkan pengawasan di Selat Melaka serta di perairan Sabah dan Sarawak untuk menjamin keselamatan penggunanya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata Malaysia memandang berat keselamatan di perairannya kerana 63,000 kapal menggunakan selat itu.

Bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan ucap utama pada Kongres Pembangunan Ekonomi Dunia ke 1- di PWTC hari ini, Dr Mahathir berkata Malaysia perlu meningkatkan pengawasan di Selat Melaka serta di perairan Sabah dan Sarawak kerana itu adalah tanggungjawabnya.

"Kita ambil berat. Kita mahu agar orang akan selamat semasa berada di perairan Malaysia," katanya.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar mengenai dua kapal tangki termasuk sebuah milik Malaysia, dirampas di Selat Melaka baru-baru ini.

Laporan terbaru menyebut bahawa kapal MT Selayang yang disewa oleh Shell telah ditemui semula oleh tentera laut Indoneisa di perairan Kalimantan ekoran maklumat yang diberikan oleh Biro Maritim Antarabangsa di Kuala Lumpur.

Biro itu berkata dalam satu kenyataan hari ini bahawa kapal tangki itu dirampas sebaik saja ia berlepas dari loji penapis Shell di Port Dickson.

-- BERNAMA

AFY AHH MAI